

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA
[TASEK GELUGOR]**

SOALAN NO. 43

DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA [TASEK GELUGOR] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk menjalankan kajian bagi mewujudkan suatu kaedah standard untuk mengesahkan seseorang itu menghidap penyakit mental agar syarikat-syarikat insurans mampu untuk memperkenalkan suatu polisi melindungi pesakit mental seperti yang dilakukan di Indonesia, Thailand dan Singapura.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Setiap pesakit mental yang menerima rawatan di fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) adalah mengikut kaedah standard mengikut klasifikasi ICD-10 (*International Statistical Classification of Diseases and Related Health Problems (ICD)*). KKM telah mengadakan beberapa sesi perbincangan dengan beberapa pihak insuran dan mereka sedang mengkaji cadangan untuk memperluaskan perlindungan bagi meliputi rawatan dan intervensi bagi penyakit-penyakit mental berkenaan.

Buat masa ini, syarikat insuran AIA (American Insurance Association) Malaysia telah menawarkan polisi perlindungan insurans meliputi enam jenis penyakit mental iaitu kemurungan, gangguan Bipolar, Skizofrenia, Sindrom Tourette, gangguan obesesif kompulsif atau penyakit OCD dan kemurungan post-partum. Perkara ini telah diumumkan pada 4 Julai 2019. Perlindungan ini merangkumi "peningkatan" pakej A-Health Plus, yang membolehkan pelanggan menuntut sehingga RM1,500 setahun dalam yuran perundingan psikiatri di hospital Kerajaan dan swasta untuk enam keadaan penyakit mental berkenaan. Syarikat Insuran Etiqa juga telah mengumumkan liputan insuran bagi penyakit mental dalam pelan *Critical Illness Rider with Mental Illness Coverage (IL CI Plus)* di mana perlindungan insurans sehingga RM30,000 akan diberikan.

Sekian, terima kasih.